



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM
JABATAN ALAM SEKITAR

KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PEWAKILAN KUASA JABATAN ALAM SEKITAR KOMITED MEMPERKASAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MELALUI KOLABORASI KUKUH ANTARA AGENSI

Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan agensi utama yang bertanggungjawab dalam memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Malaysia. Dengan peningkatan aktiviti pembangunan, perindustrian, dan urbanisasi, cabaran dalam mengawal pencemaran dan memastikan pematuhan terhadap undang-undang alam sekitar semakin kompleks.

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dalam kenyataan menyatakan "Saya yakin bahawa perwakilan kuasa ini merupakan satu langkah proaktif dalam menangani pelbagai isu yang berada di bawah bidang kuasa Jabatan serta agensi-agensi yang terlibat. Keberkesanan pendekatan ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan dua siri Ops Hazard, di mana dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi, kita telah berjaya merampas e-waste bernilai lebih RM66 juta."

Pewakilan kuasa ini bukan sahaja dapat menyokong pelaksanaan tugas yang lebih pantas dan menyeluruh, tetapi juga memastikan penggunaan sumber yang lebih efektif. Ia merupakan langkah strategik untuk menangani cabaran semasa, sambil mengekalkan integriti dan kepercayaan terhadap sistem pengawalseliaan alam sekitar negara. **(Senarai Perwakilan Kuasa di lampiran I)**

Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil inisiatif untuk menggubal baharu perintah perwakilan kuasa dengan menggabungkan **enam (6) perintah sedia ada di bawah satu perintah yang dinamakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan**

Perbadanan) 2025 yang telah diwartakan pada 7 Julai 2025 dan mula berkuat kuasa pada 8 Julai 2025.

Pewakilan kuasa ini dibuat berdasarkan beberapa justifikasi utama seperti berikut:

- i) Kepakaran teknikal agensi yang memiliki kepakaran khusus yang diperlukan untuk menyiasat dan menangani kes pencemaran secara berkesan;
- ii) Tindakan serta-merta di lapangan yang mana agensi yang diwakilkan kuasa boleh bertindak segera bagi menjalankan pemeriksaan, mengumpul bukti dan mengambil tindakan awal tanpa perlu menunggu arahan lanjut daripada pihak berkuasa undang-undang yang berkaitan terutama di kawasan tertentu seperti hutan simpan, perairan laut dan taman perbandaran di bawah seliaan agensi khusus; dan
- iii) Kerajaan menggalakkan kerjasama antara pelbagai agensi bagi menangani isu pencemaran secara menyeluruh, sejajar dengan pendekatan *Whole of Government*.

Pewakilan kuasa ini akan disusuli dengan garis panduan pelaksanaan dan latihan yang sewajarnya untuk memastikan setiap agensi memahami tanggungjawab serta had kuasa yang diberikan di bawah perintah pewakilan tersebut. JAS terus komited untuk memperkukuh integriti sistem penguatkuasaan alam sekitar di Malaysia demi memastikan kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang.

**JABATAN ALAM SEKITAR
8 JULAI 2025**



Pewakilan kuasa

Ketua Pengarah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 31, 37, 37A, 37C, 38, 38A, 38AB, 45, 47, 48AC dan 48B Akta kepada pegawai yang dinyatakan dari Jabatan Kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau perbadanan yang dinyatakan

- 1. Polis Diraja Malaysia**
- 2. Angkatan Tentera Malaysia**
- 3. Kementerian Kesihatan Malaysia**
- 4. Jabatan Laut Malaysia**
- 5. Jabatan Perikanan Malaysia**
- 6. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**
- 7. Jabatan Pengairan dan Saliran**
- 8. Jabatan Perhutanan Sabah**
- 9. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman
Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia**
- 10. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara**
- 11. Perbadanan Labuan**
- 12. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam**
- 13. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan
Majlis Daerah**